

22/06/2001

Perwakilan asing akui helah Barat

KUALA LUMPUR, Khamis - Kuasa asing memang berniat menguasai dan menakluk negara membangun dengan pelbagai helah dan ketidakadilan yang nyata, kata perwakilan luar negara ke Perhimpunan Agung Umno.

Perwakilan berkenaan berkata, kuasa asing berselindung di sebalik konsep sejagat yang dipaksakan ke atas negara membangun seperti globalisasi dan hak asasi manusia.

Ahli Kongres Kebangsaan Sudan, Prof Dr Abdul Rahim Ali, berkata negaranya adalah contoh terbaik bagaimana negara maju bertindak tidak adil terhadap negara membangun.

Katanya, Sudan yang menghadapi masalah akibat peperangan dan kemiskinan, tidak dibantu, sebaliknya kuasa asing terbabit menggunakan kemiskinan berkenaan untuk memporak-perandakan negaranya.

"Mereka mengkritik apabila kita memerlukan simpati dan mereka menimbulkan masalah bila kita memerlukan bantuan," katanya mengulas ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, kuasa asing membenci kerajaan Malaysia kerana mendedahkan niat jahat mereka apabila memperkenalkan konsep globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia yang awal sekali mencabar dan menentang konsep itu yang sebenarnya bertujuan menakluki dunia dengan kekuatan ekonomi, memanipulasikan mata wang serta kekuatan syarikat gergasi.

Dr Abdul Rahim berkata, kuasa asing menyokong dan memberi bantuan ketenteraan dan ekonomi kepada pihak yang cuba memecahbelahkan sesebuah negara seperti diberikan kepada pemberontak di selatan Sudan.

Katanya, mereka berbuat demikian kerana tidak mahu sumber minyak di selatan Sudan dimajukan dan hasilnya digunakan kerajaan untuk pembangunan negara serta peningkatan taraf hidup rakyat.

Ahli Jawatankuasa Pusat Parti Rakyat Kemboja, Say Chhum, berkata fakta yang dinyatakan Dr Mahathir dalam ucapannya itu adalah benar.

"Saya amat setuju pandangan Perdana Menteri mengenai globalisasi. Proses globalisasi perlu sejajar kepentingan negara membangun," katanya.

Ahli Kepemimpinan Regional parti Ba'ath Arab Sosialis, Iraq, Abd Al-Baqi Alsaadoon, berkata delegasinya amat gembira dan menghargai teguran Perdana Menteri terhadap kuasa asing yang terus menekan rakyat Palestin dan Iraq.

"Ucapannya sungguh berani dan terang kerana beliau bukan saja menyentuh mengenai hal dalaman negara, tetapi semua aspek termasuk isu antarabangsa.

"Kami gembira mendengar visi Perdana Menteri yang jelas bimbang nasib rakyat Palestin dan sekatan terhadap Iraq oleh Amerika Syarikat," katanya.

Wang Taihua dari Parti Komunis China (CPC) menganggap Umno dan CPC mempunyai persamaan kerana kedua-duanya adalah parti yang memerintah.

Wang berkata, China memandang tinggi kejayaan dicapai Malaysia, terutama dalam menangani krisis ekonomi akibat perbuatan kuasa Barat.

"Kami mempunyai minat sama dalam menyelamatkan maruah dan ekonomi negara dari dikuasai oleh negara Barat," katanya.

(END)